



● BIL 103 ● 27 FEBRUARI - 2 MAC 2021 ● PP19441/12/2018 (035014) SEBARAN UMUM

[www.wilayahku.com.my](http://www.wilayahku.com.my)

@ wilayahku.com.my

f WilayahKu

@akhbarwilayahku

WilayahKu

WK TV

## Usahawan muda zahir rasa gembira dapat lokasi strategik, sewa murah

MENYASARKAN 2,000 usahawan dilahirkan menerusi Program Pembangunan Usahawan Anak Muda Kota dalam tempoh dua tahun akan datang, usaha Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) kini hampir menjadi nyata apabila inisiatif itu

mendapat sambutan golongan sasar. Malah, semasa dilancarkan 234 usahawan sudah terpilih menerima tawaran ruang perniagaan di lokasi strategik di sekitar ibu negara.

Kementerian melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)

membuka peluang kepada warga kota untuk menjadi usahawan melalui sektor perniagaan perusahaan kecil dan sederhana (PKS), di bawah inisiatif Wilayah Prihatin, sebanyak 1,026 ruang perniagaan seperti kios disediakan yang meliputi pelbagai

lokasi strategik di ibu kota.

Bagi usahawan terlibat, program yang diberikan bukan sahaja memberi manfaat malah ia dikatakan 'berbaloi' kerana lokasi yang strategik di samping harga sewa berpatutan.

**BERITA LANJUT DI MUKA 2**

Choong Keong bakal terima rumah

## Lembaran baharu



**M**ELIHAT pada fizikal mahupun cara berpakaianya yang rapi walaupun dengan berbaju lusuh, pasti ramai tidak menyangka Leong Choong Keong berada dalam keadaan daif serta tinggal di rumah usang dilindungi atap bocor dan

berdindingkan plastik di Kampung Baru Salak Selatan, Kuala Lumpur.

Lebih menyedihkan apabila di usia emasnya itu, dia perlu bekerja sendiri bagi mencari rezeki untuk kelangsungan hidup di tengah-tengah kepesatan bandar, tambahan pula, baru-baru ini masyarakat

Cina meraikan Tahun Baru Cina.

Apa yang membimbangkan, rumah yang hampir roboh dan uzur itu berada di dalam kawasan semak samun serta berkemungkinan mempunyai sarang haiwan berbisa.

Keadan tersebut mendapat perhatian Menteri Wilayah

Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa yang kemudian mengambil tindakan pantas dengan merencanakan perpindahan selain fokus untuk memberikan pemilikan rumah kepada Choong Keong.

**BERSAMBUNG DI MUKA 3**

**DBKL telah luluskan 51 lokasi pasar malam**

>>4

**'Terima kasih bantu saya berjalan semula' - Shahrizan**

>>8

**Selebriti sedia terima vaksin**

**"Jangan ragu-ragu"**  
- Risteena >> 12

Program Pembangunan Usahawan Anak Muda Kota bantu belia berniaga

# Rakyat perlu pendapatan sampingan

AFIFAH AFIZAL

**K**EADAAN ekonomi negara dan dunia yang tidak stabil serta sukar diramal pada masa ini menyebabkan kebanyakan rakyat Malaysia merangka pelbagai strategi sampingan untuk menambah pendapatan.

Tambahan pula, sejak penularan wabak COVID-19 awal tahun 2020, ratusan ribu pekerja terpaksa ditamatkan perkhidmatan selain terdapat syarikat-syarikat kecil yang gulung tikar.

Bimbang dengan keadaan tersebut, **Muhammad Aqmal Abdul Razak**, 30, yang kini bekerja sebagai pemborong di salah sebuah syarikat swasta merangka strategi untuk menambah pendapatannya.

Susulan itu, katanya, peluang yang disediakan Kementerian Wilayah Persekutuan menerusi Program Pembangunan Usahawan Anak Muda Kota sangat menepati kehendak dan keperluan pada masa ini.

"Kerja gaji tidak menentu dan kadang-kadang majikan tolak 50 peratus daripadanya. Saya juga sudah berkeluarga dan mempunyai dua orang anak."

"Oleh itu, saya perlu ada 'back-up plan' bagi menambah sumber pendapatan dan tidak hanya bergantung dengan satu pekerjaan sahaja," katanya ketika dihubungi *Wilayahku* pada Jumaat.



MUHAMMAD AQMAL



MIKE BENJAMIN

Bercerita tentang rancangan tambahannya itu, Muhammad Aqmal berkata, dia dan rakan sudah memulakan operasi perniagaan dari rumah sejak 2017, namun untuk memajukannya lagi, sebuah kedai diperlukan.

Justeru itu, dia mula mencari kedai di sekitar ibu negara yang menawarkan kadar sewa rendah dan berbaloi.

"Saya terbaca maklumat berkaitan program kementerian di Instagram dan kadar sewa yang ditawarkan. Tanpa berlengah, saya dan rakan memohon dan kami ditawarkan tapak di KL Citywalk.

"Lokasinya amat strategik seperti 'one stop center' kerana pengunjung yang hadir dapat melakukan pelbagai urusan di satu lokasi. Harga sewaan yang diberikan juga sangat berbaloi," katanya yang teruja apabila diberikan tawaran tersebut.

Mengulas lanjut, Muhammad Aqmal memberitahu, pada masa ini dia dan rakan masih menunggu su-



ANAK muda mengambil peluang menjadi usahawan menerusi program yang disediakan kerajaan.

rat rasmi daripada pihak Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) berhubung pemberian tapak.

Sementara itu, seorang lagi usahawan yang terpilih dalam Program Pembangunan Usahawan Anak Muda Kota, **Mike Benjamin**, 31, memberitahu, dia juga bersa gembira kerana dipilih untuk menyertai program kementerian dan diberi peluang merealisasikan impian dalam perniagaan.

Pemilik Diploma dalam Pengurusan Kesihatan itu juga berkata, dia memilih untuk memohon kerana berfikir sehingga bila ingin bekerja di bawah seseorang yang membuatnya ingin mencuba bidang baharu.

"Program itu sangat baik kerana ia membuka peluang untuk individu seperti saya yang ingin mengubah kehidupan kepada lebih baik.

"Saya bersa gembira dan ini

## INFO INISIATIF

- Bayaran sewaan nominal, memudahkan cara permohonan lesen perniagaan di DBKL dan PP;
- Bantuan pembiayaan dan bimbingan perniagaan daripada agensi kerajaan; bantuan dan akses dalam mengaplikasikan ekonomi digital daripada pelbagai aspek seperti pengiklanan, pengisian pesanan, komunikasi antara pekerja dan kajian pasaran;
- Tawaran perniagaan francais (tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan); dan
- Peluang latihan serta tawaran dalam bidang keusahawanan yang diumumkan agensi berkaitan
- Penyediaan kios atau ruang niaga untuk 1,000 usahawan di Kuala Lumpur dan Putrajaya termasuk di Berjaya Times Square dan hentian bas atau teksi di sekitar Kuala Lumpur di samping kios di side walk cafe di beberapa lokasi strategik.
- Selain itu, terdapat ruang niaga (pit stop) bagi usahawan Food Truck

sangat bermanfaat buat semua yang ingin berjaya dalam kehidupan," katanya yang mempunyai perniagaan fesyen dan barang perhiasan diimport khas dari India.

WK

## Peserta disaring, temuduga dalam talian mengikut kriteria

**PROGRAM PEMBANGUNAN USAHAWAN ANAK MUDA KOTA**

Memudahkan ruang perniagaan (kios) 1,122 usahawan anak muda kota dengan reka bentuk yang moden, teratur, kemas & bersih

**LOKASI PERNIAGAAN**  
169 Lokasi strategik di KL & Putrajaya

**JENIS PERNIAGAAN**

- Makanan & Minuman (F&B)
- Convenience & Retail
- Posut Sajian & Teknologi Makanan
- Fesyen & Persempenaan
- Produk Komuniti, Kacang-kacang, Pesceri & Perdagangan
- Perodua Persempenaan
- Food Truck

bawah program itu adalah bersifat sementara.

Untuk makluman, Program Pembangunan Usahawan Anak Muda Kota merupakan inisiatif yang dirangka bersama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Putrajaya (PPj) dan Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) bagi merangsang ekonomi negara melalui sektor keusahawanan pasca pandemik COVID-19.

Selain itu, ia diwujudkan bagi melahirkan lebih ramai usahawan muda di lokasi tumpuan dan strategik sekitar ibu kota di samping memperkasakan usahawan mikro supaya lebih berdaya saing dalam menghadapi norma baharu.

Program yang bermula sejak Ogos 2020 ini dijangka akan berterusan sehingga tahun 2023. WK

ruang niaga yang ditawarkan, ujarnya, masih terdapat beberapa kios kosong di sekitar ibu negara.

Malah, dia turut memaklumkan, sehingga kini beberapa lokasi telah diluluskan dan sebahagiannya

## KWP nafi penglibatan dalam pelaburan

SYAHIDI BAKAR

**KEMENTERIAN** Wilayah Persekutuan (KWP) manfaikan sebarang penglibatannya di dalam pelaburan patuh syariah seperti dimuat naik di laman Facebook sebuah syarikat tidak dikenali.

Malah posting daripada Syarikat Hanifa Capital yang bertujuan mempromosi pelaburan patuh syariah sambil memaparkan gambar Ketua Setiausaha KWP, **Datuk Seri Rosida Jaafar**, adalah tidak benar dan berniat jahat.

"KWP ingin menegaskan bahawa Ketua Setiausaha mahupun kementerian tidak ada kaitan dengan promosi pelaburan patuh syariah serendah RM350 seperti didakwa dalam posting tersebut.

"Posting daripada Syarikat Hanifa Capital itu dipercayai dilakukan oleh scammer bertujuan memperdayakan orang ramai untuk membuat pelaburan haram yang sangat berniat jahat



STATUS yang dimuat naik Syarikat Hanifa Capital turut memaparkan gambar Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan di samping logonya.

serta mencemarkan imej Ketua Setiausaha KWP," kata KWP melalui satu posting yang dimuat naik ke laman Facebook rasminya.

KWP turut menyarankan, mana-mana individu menjadi mangsa dan terpedaya dengan modus operandi sindiket terbabit, dikehendaki segera membuat laporan polis. WK

Warga emas daif dapat perhatian, dibantu Menteri Wilayah Persekutuan

# Sinar baharu untuk Choong Keong

AZLAN ZAMBRY

**T**IDAK pernah sesiapa pun menyangka di tengah kepe-satan pembangunan Kuala Lumpur, seorang warga emas **Leong Choong Keong**, 65, terpaksa menjadikan sebuah pondok buruk yang daif di tengah semak samun di Kampung Baru Salak Selatan sebagai tempat berteduh.

Sejurus berita itu sampai ke pengetahuan Menteri Wilayah Persekutuan, **Tan Sri TPr Annuar Musa**, beliau terus meluangkan masa meninjau keadaan sebenar kehidupan warga emas berkenaan yang tinggal sebatang kara dalam pondok usang peninggalan orang tuanya sejak tiga tahun lalu.

Sejurus tiba di kawasan itu, Annuar hanya menggelengkan kepala kerana melihat keadaan sekeliling malah untuk sampai ke ‘rumah’ tersebut, beliau terlebih dahulu perlu menyelusuri denai yang dipenuhi semak samun dan ia membahayakan kerana berkemungkinan sarang binatang buas.

Ketika dibawa ‘melawat’ kawa-

san sekitar, beliau hampir tidak percaya kerana keadaan yang sedaif itu menempatkan katil dan beberapa ruangan lain yang digunakan Choong Keong malah dari riak bahasa tubuhnya, beliau sangat terkesan kerana sepatutnya warga emas seperti Choong Keong sudah boleh berehat di rumah yang selesa.

Justeru, Annuar mengambil peluang mendapatkan persetujuan Choong Keong untuk berpindah ke rumah lain secepat mungkin dan berjanji untuk mendapatkan sebuah unit rumah di projek perumahan rakyat (PPR).

Annuar berkata, sepanjang beliau menjadi wakil rakyat, keadaan Choong Keong adalah paling teruk dan daif.

“Sebagai manusia biasa kita tidak boleh membiarkan perkara begini. Saya tidak pernah tengok orang duduk di rumah seperti ini, di tengah bandar. Masyarakat kalau nampak situasi macam ini, jangan biarkan. Dia tiada tempat untuk dituju dan perlu dibantu.”

“Dia perlu kosongkan rumah ini dan saya bersama Uncle Kuan (ak-



**CHOONG Keong mendiami rumah usang dan daif yang diwarisi daripada bapanya.**

tivis masyarakat, Kuan Chee Heng) akan pantau serta pastikan dia dapat memulakan hidup baharu,” katanya yang dilihat mengalirkan air mata beberapa kali ketika melawat Choong Keong pada Rabu.

jagaan sementara Chee Heng sementara pihaknya menguruskan penempatan yang lebih selesa di PPR.

“Secara peribadi, saya nak bina rumah untuknya di tapak asal, namun selepas menyemak status tanah, ia kini dimiliki Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

“Disebabkan tidak boleh hendak bina rumah baharu, saya akan gantikan dengan rumah PPR sama ada di Perumahan Awam Seri Labuan kerana akan ada kekosongan pada bulan hadapan atau di PPR Seri Malaysia. Saya akan cuba memberikan hak milik kepadanya,” katanya.

Dalam pada itu, Chee Heng berkata, warga emas itu akan berada di bawah jagaannya sehingga Annuar berjaya menempatkan beliau di rumah yang lebih selesa.

“Saya akan tempatkan Choong Keong di Puchong untuk sementara waktu sehingga Tan Sri Annuar mendapatkan rumah PPR. Segala keperluan seperti makan dan minum akan ditanggung sepenuhnya,” katanya. **WK**

## 4,680 dos Vaksin Pfizer-BioNTech kumpulan pertama tiba di Labuan

KHAIRUL IDIN

**S**EBANYAK 4,680 dos vaksin COVID-19 Pfizer-BioNTech yang diangkut menggunakan pengangkutan air Feri Roro, selamat tiba di Terminal Feri Kenderaan Labuan kira-kira pulak 9.30 pagi, 26 Februari.

Sesi penghantaran vaksin itu dikawal ketat oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Jabatan Kesihatan Negeri Labuan.

Dianggarkan, seramai 2,300 individu akan menerima vaksin itu yang melibatkan petugas barisan hadapan menerusi Program Imunisasi COVID-19 di pulau ini.

Antara penerima pertamanya ialah Pengarah Kesihatan Labuan, Dr Ismuni Bohari; Ahli Parlimen Labuan, Datuk Rozman Isli; Timbalan Ketua Polis Daerah Labuan, Deputi Superintendant Mohd Ibrahim Mohd Ghani, Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) Labuan, Rithuan Mohd Ismail dan Ahli Dewan Negara merangkap Pengerusi Majlis Penasihat Perbadanan Labuan, Senator Datuk Bashir Alias.

Menurut Pengarah Kesihatan Labuan, Dr Ismuni Bohari, ketibaan dos vaksin bagi fasa pertama telah diterima sepenuhnya mengikut jumlah petugas barisan hadapan di Labuan.



**VAN yang membawa muatan dos vaksin tiba di Terminal Feri Labuan pada 26 Februari.**

“Bagi fasa pertama 2,340 senarai penerima vaksin terdiri daripada petugas kesihatan dan pasukan keselamatan,” katanya ketika ditemui pemberita selepas menyambut ketibaan kumpulan pertama vaksin Pfizer-BioNTech di Terminal Feri.

Hadir sama, Pengarah Majlis Keselamatan Negeri (MKN), Labuan Mohd Hafiez Daud; Pengarah Jabatan Penerangan, Supian Musa dan Pemangku Ketua Polis Daerah Labuan, Deputi Superintendant Mohd Ibrahim Ghani.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana

(JPBD) Labuan, Rithuan Mohd Ismail berkata, pihaknya telah merangka perancangan persiapan dan persediaan supaya Program Imunisasi COVID-19 berjalan lancar.

“Kita menyeru warga Labuan agar mendaftar di aplikasi MySejahtera untuk mendapat suntikan dos vaksin.

“Kita juga turut kerjasama dengan beberapa pemimpin untuk memainkan peranan bagi memastikan warga di Labuan menerima dos vaksin secara keseluruhan,” katanya. **WK**

## Miros anjur pertandingan lukis kartun kesedaran keselamatan jalan raya

**I**NSTITUT Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (Miros) dengan kerjasama Balai Kartun Rossem (BKR) mengajurkan Pertandingan dan Pameran Kartun Antarabangsa Keselamatan Jalan Raya Malaysia bermula 28 Januari hingga 28 Mac ini.

Ketua Pengarah Mirosl Dr Khairil Anwar Abu Kassim berkata, pertandingan bertemakan ‘Ke Arah Jalan Raya yang Selamat’ itu diadakan bertujuan untuk memberi ruang dan peluang kepada kartunis di seluruh negara bagi berkongsi idea dan kreativiti dalam menyampaikan mesej keselamatan jalan raya.

Pemenang utama bagi pertandingan melukis kartun tersebut akan menerima wang tunai RM1,500, naib johan RM1,200 dan tempat ketiga RM1,000, manakala tiga pemenang akan membawa pulang RM500 sebagai saguhati.

“Kartun sering dianggap sebagai bahan jenaka untuk menghiburkan hati,

**MIROS**  
MALAYSIAN INSTITUTE OF ROAD SAFETY RESEARCH

namun sebenarnya tidak ramai mengetahui kuasa kartun juga mampu memberi impak besar dalam menyampaikan sesuatu maklumat atau mesej.

“Justeru, dengan pengajuran pertandingan ini, objektif serta matlamat Mirosl dan BKR dalam meningkatkan dan memupuk kesedaran orang awam terhadap keselamatan jalan raya dapat direalisasikan dengan penghasilan bahan kempenn yang kreatif dan berkesan,” katanya dalam kenyataan pada Jumaat.

Beliau berkata, penghasilan kartun keselamatan jalan raya itu diharap dapat diperluaskan penggunaannya kerana informasi yang diterapkan melalui lukisan kartun dapat menyentuh hati pengguna jalan raya dengan lebih mendalam dan berkesan. **WK**

# DBKL telah luluskan 51 lokasi pasar malam

AZLAN ZAMBRY

**D**EWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah meluluskan permohonan penganjuran pasar malam di 51 buah lokasi di seluruh Kuala Lumpur.

Pengarah Jabatan Pelesiran dan Pembangunan Penjaja DBKL, **Khairul Anuar Mhd Juri** berkata, keputusan itu diambil setelah mendengar rungutan daripada peniaga serta permohonan yang telah dikemukakan kepada DBKL.

"Melalui Jawatankuasa Pengoperasian Pasar Malam yang dianggotai oleh wakil Kementerian Kesihatan (KKM), polis dan beberapa dalaman DBKL.

"Jawatankuasa ini yang membuat keputusan setelah menilai semua perkara yang dikemukakan oleh pihak penganjur sekiranya permohonan di kemukakan kepada DBKL.

"Sebelum ia diluluskan, jawatankuasa hendak lihat dari segi aliran keluar masuk pelanggan, bilangan petak yang sesuai,

pematuhan terhadap SOP" katanya kepada *Wilayahku* pada Khamis.

Khairul Anuar berkata, setakat pada 26 Februari ini, sebanyak 51 lokasi pasar malam telah diluluskan yang memanfaatkan hampir 11,000 lesen pasar malam.

"Dari segi jumlah lesen yang diluluskan ia dilihat agak tinggi kerana seorang peniaga memegang kira-kira tiga hingga empat lesen pasar malam di lokasi yang berbeza.

"Dan jumlah sebenar peniaga pasar malam adalah kira-kira 8,000 peniaga di seluruh Kuala Lumpur," katanya.

Menurut Khairul Anuar, Jawatankuasa Pengoperasian Pasar Malam menekankan prosedur Operasi Standard (SOP) yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) yang membabitkan kelulusan khas operasi mengikut keadaan semasa.

"Operasi pasar malam ketika musim Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) adalah berlainan. Untuk tempoh PKP Pemulihan dan PKP Bersyarat juga berlainan mengenai SOP yang ditetapkan,"

katanya.

Menurut Khairul Anuar, semua pihak termasuk polis dan KKM turut akan melaksanakan pemantauan yang berterusan demi memastikan semua penganjur dan peniaga mematuhi SOP yang ditetapkan.

"Dalam surat tawaran yang dikeluarkan, peniaga perlu patuh terhadap peraturan yang dikenakan dan penganjur perlu pastikan perkara tersebut dipatuhi bagi mengelakkan tindakan penutupan pasar malam tersebut.

"Sekiranya kami menerima aduan berkenaan pelanggaran SOP, maka tindakan perlu diambil temusuklah menutup operasi pasar malam," katanya.

Dalam pada itu, Khairul Anuar menasihatkan kepada warga kota merancang pembelian bagi mengelakkan mereka berada terlalu lama di pasar malam.

"Keadaan kita pada hari ini perlu mengadaptasi budaya norma baharu dan bagi pihak DBKL, saya menasihatkan agar warga kota mematuhi SOP yang ditetapkan dan pada masa sama dapat berbelanja di pasar malam agar dapat membantu merancakkan semula ekonomi di Kuala Lumpur," katanya. **WK**



KHAIRUL ANUAR

## PENTAS & CO tawarkan bantuan makanan kepada rakyat memerlukan

NUR SURAYA ALI

KERJASAMA NGO Zero Hunger dan Kelab Pemuda Kg Baru menawarkan bantuan kepada rakyat memerlukan.

Pengasas bersama, **Farizul Hazli Baharom**, 50, berkata antara perkhidmatan yang disediakan ialah makanan siap masak percuma (*Soup Kitchen*), bakul makanan percuma dan jualan amal barang keperluan asas seperti pakaian, buku, kasut, perkakas rumah dan sebagainya.

"Kami mula beroperasi pada 1 Jan 2021 lepas dan sejak itu tidak kurang 400 pek makanan diedarkan setiap bulan," katanya.

Lima orang pekerja dan hampir 50 orang sukarelawan menjayakan program disini.

Terletak bersebelahan



FARIZUL HAZLI

dengan pejabat Perbadanan Pembangunan Kg Baru di sini, Kafe Pentas & Co turut menyediakan kebun bandar untuk penduduk sekitar memanfaatkannya.

Bertemakan menu Barat dan Tempatan, penerima bantuan makanan bakal menikmati makanan berkhasiat disediakan oleh Chef yang pernah berkhidmat di hotel bertaraf 4 bintang, **Chef Noor Shamsul Mohd**.

Chef Noor Shamsul mempunyai lebih 20 tahun pengalaman dalam bidang kulineri dan pernah berkhidmat di hotel terkemuka seperti Renaissance dan Equatorial Hotel. Menurut Farizul, Pentas & Co mengalukan semua pihak untuk sama-sama memberi sumbangan bagi membantu ramai lagi rakyat yang memerlukan.



**PERKHIDMATAN** makanan siap masak percuma yang akan diedarkan kepada orang ramai yang terkesan akibat kegawatan ekonomi yang disebabkan pandemik COVID-19.

"Kami menjangkakan lebih ramai penerima akan memohon bantuan apabila tiba bulan Ramadan kelak, oleh itu kami dalam proses bekerjasama dengan restoran lain untuk memastikan pemohon dari seluruh Kuala Lumpur dan Selangor dapat manfaatnya,"

katanya.

Orang ramai juga dijemput menjamu selera di sini sambil menderma barang terpakai untuk diserahkan kepada yang memerlukan.

Waktu operasi 10pagi - 10 malam dan tutup pada hari Rabu. **WK**

## SIDANG REDAKSI

## PENGURUS BESAR

Azlan Abdul Aziz

## PENGARANG KANAN

Helme Hanafi

## PENOLONG PENGARANG

Nazwin Izan Ahmad Nazri

## WARTAWAN KANAN

Azlan Zambray  
Aini Roshidah Ahmad Mawawi

## WARTAWAN

Khairul Idin  
Wong Siew Mun  
Deel Anjer  
Syahidi Bakar

## GRAFIK &amp; MULTIMEDIA

Rostam Afendi Ab Rashid  
Mohd Affandy Annuar  
Mohd Fadly Bharudin  
Taufik Mohd Pauze

## JURUFOTO &amp; VIDEO

Mohd Nazril Mohd Roselan  
Mohd Aminullah Farid Hasan  
Azly Fariq Ramly

## PEMASARAN

Mohd Zuhairi Mazlan  
V Kumar Veeran

## KEWANGAN, SUMBER MANUSIA &amp; PENTADBIRAN

Nur Fatihah Mohd Amir  
Jumaitul Lailiy Zakiah Ismail  
Nurul Hazwani Haslan

## PELATIH INDUSTRI

Afifah Afizal

## CERITA KEDAI KOPI

## UMNO dan perhimpunan agung

KHABARNYA UMNO dijadual mengadakan perhimpunan agung pada 27 dan 28 Mac, setelah perhimpunan yang dijadual pada akhir Januari lalu tidak dapat diadakan ekoran perisytiharan darurat dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Memetik Setiausaha Agung UMNO, Datuk Ahmad Maslan, persidangan Mac ini akan diadakan secara bersemuka dan maya dengan pematuhan ketat kepada SOP PKP.

Tentu menarik perhimpunan kali ini, dijangka antara fokus utama ialah memuktamadkan sama ada parti itu akan meneruskan kerjasama dengan Bersatu atau sebaliknya, Isu ini sehingga kini masih menjadi topik perbincangan hangat di kalangan ahli dan akar umbi.

Perhimpunan ini mungkin merungkai persoalan sama ada UMNO akan bersama Bersatu menghadapi Pilihan Raya Umum (PRU) ke-15, atau bersendirian bersama komponennya dalam Barisan Nasional (BN).

Ini isu kritikal sebenarnya. UMNO perlu menilai dengan tenang dan matang kekuatan diri dalam membuat keputusan. Buat pertimbangan teliti apakah prospek menghadapi PRU-15 tanpa kerjasama dengan parti lain, terutama parti yang kini sama-sama membentuk kerajaan Perikatan Nasional (PN).

Corak pengundian pada PRU-15 sukar diramal. Namun pengundian pada PRU-14 boleh dijadikan panduan dan dijadikan iktibar dalam merangka hal tuju parti.

Justeru persoalan yang paling relevan ditanya ialah adakah lebih selamat dan peluang lebih baik jika menghadapi PRU bersendirian atau haruskah bekerjasama agar menjamin kejayaan? Yang pasti laluan memang berliku.

Perhimpunan kali ini bukan sahaja menjadi tumpuan di kalangan ahli UMNO tetapi juga rakyat keseluruhannya. Mereka akan melihat ke mana arah tujuan parti, atau pendekatan yang akan diambil oleh UMNO dalam menangani isu kerjasama dengan parti lain.

Gunakan perhimpunan agung sebagai platform berbincang dan berbahas dengan mata hati, bukan emosi. Buatlah keputusan bijak, bukan sahaja untuk kepentingan parti tetapi untuk negara dan rakyat keseluruhannya.

## Penghantar makanan atau pelumba?

KHIDMAT penghantar makanan (*food riders*) kini dianggap satu keperluan di ibu negara khususnya. Ramai kini lebih selesa memesan makanan secara online dan makanan dihantar ke rumah menggunakan khidmat *food riders*.

Terdapat pelbagai jenis perkhidmatan penghantar makanan. Kebanyakan *food riders* pula menggunakan motosikal. Malah ada juga yang menggunakan basikal, biasanya bagi khidmat di kawasan berhampiran.

Namun yang selalu diperhatikan ialah penghantar makanan ini kerap memandu dengan laju dengan mengabaikan keselamatan diri. Di jalan-jalan ibu kota yang sesak boleh dilihat mereka memandu laju mencelar pelbagai kendaraan, malah tidak berhenti apabila lampu merah.

Kesemuanya ini adalah perbuatan berbahaya yang boleh mengundang padah pada diri dan orang lain. Benar mereka mengejar *trip* untuk meraih lebih banyak pendapatan, tetapi apa guna jika sendiri mendapat susah.

Sudah kerap kali berlaku kemalangan melibatkan penghantar makanan, sehingga ada yang merugikan nyawa. Jadikan ini pengajaran. Tidak berbaloi mengejar lebih banyak wang jika akhirnya jiwa melayang. Penghantar makanan berkhidmat untuk menghantar pesanan pelanggan, bukan untuk berlumba di jalan raya.

Diharap syarikat-syarikat penghantar makanan akan memberi perhatian serius terhadap perkara ini dan sentiasa nasihati kepada pekerja mereka agar mengutamakan keselamatan diri dan orang lain.

Jika perlu adakan kursus-kursus berkala mengenai pematuhan kepada undang-undang jalan raya. Didik mereka agar sentiasa menghormati peraturan kerana nyawa mereka lebih berharga daripada segala-galanya.



WILAYAH PERSEKUTUAN  
**WILAYAH PRIHOTIN**



# 1 MAC



*Tahun Penubuhan*  
**PERBADANAN PUTRAJAYA**  
**1996-2021**



putrajaya



putrajayacorp



perbadananputrajaya



www.ppj.gov.my



# Media sosial, berkongsi atau 'meracuni'?



RABI'AHTULADAWYAH  
MD. SALEH  
*Perancang Bahasa DBP*

**S**EKLUNG tahniah kepada *Wilayahku*, terus muncul sebagai media warga kota yang mempunyai makna tersendiri, apakah lagi diedarkan secara percuma.

Semoga maklumat yang dikongsikan, sedikit sebanyak memberikan pengalaman membaca yang terbaik untuk anda. Perkongsian berita dan maklumat melalui *Wilayahku*, khususnya ruangan resensi buku ini, telah memberikan waktu yang istimewa kepada diri anda dengan amalan membaca. Tahniah!

Media sosial seperti Facebook, Instagram, YouTube, Twitter, Telegram, TikTok dan pelbagai lagi menjadi pilihan pengguna untuk mendapatkan sumber maklumat, pengetahuan dan hiburan, malah menjadi alat penting kepada banyak institusi untuk menyebarkan perkhidmatan, perniagaan, jaringan sosial dan sebagainya. Menurut Kaplan dan Haenlein (2010), media sosial boleh ditakrifkan sebagai sekumpulan aplikasi yang dilabelkan sebagai individu yang diberi kebenaran untuk melihat kandungan yang terdapat dalam paparan akaun media sosial seseorang atau *wall*. Individu yang disahkan sebagai rakan ini boleh mengakses gambar, permainan dan melihat *wall* rangkaian rakannya. Kerancakan aktiviti sosial dalam media ini telah mengakibatkan pelbagai kesan baik dan buruk kepada pengguna. Kerajaan telah menggubal Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1988 (ASKMM) serta menubuhkan

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) bagi memastikan penggunaan media sosial di negara ini tidak menimbulkan ancaman keselamatan kepada rakyat dan negara.

DBP sendiri tidak ketinggalan memanfaatkan landasan media sosial dalam menyampaikan maklumat dan hebatnya kegiatan kepada pengguna. Tahun 2020 merupakan tahun yang amat bermakna bagi DBP dalam mengoptimumkan peranan media sosial khususnya dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Berdasarkan rekod, pada Disember 2020, akaun Facebook DBP contohnya telah meraih capaian sehingga 36,984,112 dengan perkongsian sebanyak 2,456 hantaran, mempunyai 315,947 pengikut dan mendapat sebanyak 303,939 tanda suka, berbanding sebelum pelaksanaan PKP pada bulan Januari 2020, DBP hanya mempunyai 168,715 pengikut dan hanya meraih capaian 399,138.

Pelaksanaan PKP telah memberikan banyak masa kepada pengguna melayari media sosial. Media sosial yang berjaya meraih sohor kini pengguna dengan isu-isu terkini dan sensasi, pasti akan berjaya menarik perhatian dan akan dapat meningkatkan capaian carian serta pengikut.

Musim PKP juga menyemarakkan pengguna berinteraksi lebih agresif melalui media sosial. Oleh yang demikian pada tahun 2020, DBP juga ada menerbitkan buku berjudul *Media Sosial di Malaysia*. Saya menyarankan setiap keluarga memiliki buku ini agar dapat membantu anda menambahkan pengetahuan dan tatacara yang selamat mengenai media sosial. Buku

yang mempunyai ketebalan 207 muka surat ini mengandungi sepuluh bab yang memperincikan perbincangan pengguna media sosial di Malaysia dan isu-isu berhubung dengannya. Seramai sepuluh orang penulis dari Universiti Utara Malaysia (UUM), seorang penulis dari Malaysia Press Institute (MPI) dan dua orang dari Universiti Sains Malaysia (USM) melengkapkan perkongsian kepada pembaca mengenai pelbagai sudut media sosial di negara ini.

Berdasarkan laporan SKMM pada tahun 2019, sebanyak 84.7% penduduk Malaysia merupakan pengguna internet. Hal ini demikian kerana kita terdedah dengan pelbagai bentuk komunikasi dan sebagai pengguna internet kita haruslah memahami bahawa penggunaan media sosial khususnya boleh memberikan impak yang positif dan negatif. Namun sejauh manakah pengguna menyedari tanggungjawabnya dalam mematuhi undang-undang dan menggunakan media sosial secara beretika?

Sesi Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) juga telah menyebabkan ibu bapa khususnya perlu menyediakan peranti kepada generasi cilik lebih awal. Tanpa disedari, kita telah mendedahkan mereka kepada media sosial. Kanak-kanak juga boleh mendaftar akaun media sosial mereka sendiri dan ibu bapa seharusnya memantau penggunaannya.

Perkongsian buku ini pasti akan membantu pengguna menjadi lebih bijaksana memanfaatkan media sosial. Di samping menjadikan generasi yang efektif dengan media sosial, kita juga akan dapat mempraktikkan nilai-nilai murni dalam media sosial dengan berkesan. **W.K**



**PELITA BAHASA**

Daripada:  
**Mohd. Jamal,**  
Renggam, Kluang

**JAWAPAN:**

Kata ganda pepohon, dedaun dan tetamu bukanlah kata ganda yang baku. Jika kata ganda seperti ini diterima sebagai baku, maka masyarakat akan menggunakan kata ganda memeja, kekambing, lelembu atau kekerusi untuk membawa maksud jamak.

ia. Maksud jamak. Sebagai contohnya, perkataan "meja" digandakan menjadi "meja-meja" untuk maksud jamak. Contoh lain ialah murid-murid, buku-buku dan filem-filem.

ib. Maksud tunggal. Sebagai contohnya, akar kata "labi" tidak boleh berdiri sendiri sebagai kata dalam ayat. Oleh itu, akar kata ini perlu menerima binaan lain untuk membentuk kata. Cara yang terbaik ialah "labi" digandakan supaya menjadi "labi-labi" yang membawa maksud hidupan di air yang hampir menyerupai "kura-kura". Contoh lain ialah kanak-kanak, kura-kura dan layang-layang.

2. Pengandaan separa. Sebagai contohnya, "kekuda" yang bermaksud alat atau sesuatu yang menyerupai "kuda". Pengandaan jenis ini bertujuan untuk menunjukkan maksud menyerupai. Contoh lain ialah lelayang (menyerupai burung layang-layang), jejari (menyerupai jari manusia) dan kekura (menyerupai kura-kura).

## Ayat yang Gramatis

**SOALAN:**

Adakah ayat di bawah gramatis?

1. Pembedahan jantung Aida akan dipercepat kerana keadaannya yang semakin tenat.

Daripada:  
**Zuree Amirah**  
Bandar Bukit Mahkota

**JAWAPAN:**

Ayat tersebut salah. Untuk mengetahuinya, marilah kita memisahkan ayat tersebut kepada ayat-ayat tunggal.

ia. Pembedahan jantung Aida akan dipercepat. (/)

ib. Kedaannya yang semakin tenat.(x)

Ayat ib salah kerana ayat tersebut tidak mempunyai predikat. Binaan "yang semakin tenat" berfungsi sebagai penerang dalam ayat tersebut. Ayat tunggal ib sepatutnya:

ib. Kedaannya semakin tenat.

1. Pembedahan jantung Aida akan dipercepat kerana keadaannya semakin tenat.

**Pohon-pohon atau Pepohon, Daun-daun atau Dedaun, Tamu-tamu atau Tetamu?**

**SOALAN:**

Adakah pepohon, dedaun dan tetamu merupakan kata ganda yang betul?



**SEBUAH NOVELA**

*Kutemui sebuah novela  
Tidak pernah ditulis manusia  
Ceritanya maha luar biasa.*

*Ketika ia belum tersebar  
Leluasa hidang eksotik kelawar  
Bebas beruruskan restoran, pasar.*

*Ranah Wuhan benih menetas  
Seluruh tembok berasa cemas  
Bimbang endemik ke luar batas.*

*Sekatan kembara diarah tutup  
Agar epidemik tidak ke kutub  
Namun arahan tidak dimaktub.*

*Dasar visata pohon dirujuk  
Gerbang rapat jangan diketuk  
Nanti virus berduyun masuk.*

*Pandangan pandir juga dipatuh  
Perlunya ekonomi dipantau kukuh  
Jemputlah pelancong membawa runtuh.*

*Novel Coronavirus spesies seni  
Bulat bermahkota pantas infeksi  
Hanya 100nm spesifikasi diri.*

*Renggut menusuk pangkal suara  
Menyekat respirasi lelah rongga  
Seluruh anggota alahlah semua.*

*Kini COVID 19 nama dijaya  
Pandemik diisyithar sempurna ia  
Soldadu kecil sejagat empayarnya.*

*Oh, Corona bilakah kan sirna  
Jutaan atma tersungkur percuma  
Memohon tafsir tamsil hijabnya.*

*Sekalian pintar gagal ikhtiar  
Mencari penawar apakah sebenar  
Akhirnya pada-Mu didambakan sinar.*

**Lara Pesona**  
Januari 2021



**SILA IMBAS KOD QR UNTUK MEMBACA  
VERSI PDF MAJALAH DEWAN BAHASA  
DAN DEWAN SASTERA SECARA PERCUMA.**



**DEWAN BAHASA**

**DEWAN SASTERA**

Sebarang maklumat berhubung Editorial Wilayahku, sila hubungi alamat tertera: Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100, Putrajaya. Tel: 03-8861 5260 E-mel: editorwilayahku@gmail.com

# Sekolah dibuka, peranti tidak sia-sia

**M**INGGU lepas Adi menulis mengenai masalah yang dihadapi oleh ibu bapa untuk mendapatkan khidmat internet bagi memenuhi keperluan Pelajaran dan Pembelajaran Di Rumah (PdPR) kerana port sudah penuh, termasuk di Kuala Lumpur.

Namun keperluan belajar untuk anak-anak tetap sudah dibeli, seperti laptop atau komputer. Yang sukar mendapat khidmat Internet pula menambah data telefon bimbang. Semua persediaan sudah dibuat untuk Pelajaran dan Pembelajaran (P&P) secara dalam talian.

Namun Kementerian Pendidikan pula mengumumkan sekolah akan dibuka secara berperingkat mulai 1 Mac. Murid-murid prasekolah, darjah Satu dan darjah Dua mula bersekolah mulai 1 Mac sementara darjah lain mulai 8 Mac.

Bagi sekolah menengah pula, pelajar akan mula bersekolah mulai 4 April bagi negeri-negeri Johor, Kelantan, Kedah dan Terengganu. Bagi negeri-negeri lain ia bermula 5 April.

Adi faham, ramai kecewa dengan pengumuman Kementerian Pendidikan ini. Bukan kerana mereka tidak suka sekolah dibuka. Tetapi mereka tidak menduga sekolah dibuka ketika pandemik COVID-19 masih belum reda dan semua keperluan sudah dibeli.

Komputer riba, komputer dan pelbagai peranti telah disediakan bagi memenuhi keperluan PdPR. Ibu bapa mengharungi kepayahan menyediakan segala keperluan ini, dan lebih dirasai oleh mereka daripada golongan berpendapatan rendah, termasuk yang di luar bandar.

Ibu bapa menjangka Kementerian Pendidikan akan memberi ruang masa yang munasabah sebelum mengumumkan sekolah dibuka semula. Ini untuk memastikan pelaburan yang dibuat bagi PdPR berbaloi.

Namun Adi berharap ibu bapa tidak terlalu kecewa atau menganggap pelaburan mereka membeli pelbagai peranti serta melanggan perkhidmatan internet atau data sebagai sia-sia.

Sebaliknya anggapan pelaburan yang telah dibuat itu sesuatu yang sangat berguna dalam memenuhi keperluan pembelajaran anak-anak di era digital ini.

Peranti dan Internet amat berguna sebagai sistem sokongan kepada pelajar dan merupakan nilai tambah untuk mereka. Peranti



PERANTI yang dibeli semasa PdPR boleh digunakan anak-anak untuk mengakses maklumat pembelajaran atau melakukan kerja sekolah. - Gambar hiasan

boleh digunakan pada waktu persekolahan atau di rumah bagi memudahkan pelajar membuat carian yang berhubung kait dengan pelajaran.

Adi percaya ada hikmah di sebalik pengumuman sekolah dibuka kembali. Secara tidak langsung ia mendorong ibu bapa menyediakan peranti pembelajaran untuk anak-anak yang mereka mungkin tidak beli jika tidak kerana PdPR.

Terimalah apa yang berlaku dengan positif. Teruslah maju ke hadapan memberi pendidikan terbaik untuk anak-anak.

## USAHA EBIT TEPATI HASRAT ANNUAR

**PENDAKWAH** Ebit Lew bukan sahaja dermawan yang banyak membantu golongan kurang berkemampuan tanpa mengira bangsa dan agama, beliau juga adalah usahawan yang berpandangan jauh.

Umum mengetahui beliau telah mewujudkan rangkaian pasar raya Elewsmart di banyak lokasi sebagai alternatif kepada pasar raya lain dengan menawarkan barang pada kadar harga berputatan.

Pertemuan beliau dengan Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa baru-baru ini, menyerlahkan lagi perancangan jangka panjang Ebit membantu golongan memerlukan, termasuk gelandangan.

Adi difahamkan, perbincangan berkisar kepada usaha membantu golongan berpendapatan rendah atau B40 dan mendepani serta menangani masalah miskin bandar. Sesuai sekali, kerana ia sejajar dengan matlamat Annuar dan Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) membantu golongan berkenaan.

Adi percaya gandingan idea serta usaha Annuar

## SKETSA



**“ Adi percaya ada hikmah di sebalik pengumuman sekolah dibuka kembali. Secara tidak langsung ia mendorong ibu bapa menyediakan peranti pembelajaran untuk anak-anak yang mereka mungkin tidak beli jika tidak kerana PdPR. ”**

dan Ebit akan membolehkan program bantuan disusun dan dilaksanakan dengan lebih bersepadan agar kesannya lebih efektif dan menyeluruh menepati golongan sasaran.

Ebit bakal melebarkan sedekah jariahnya dengan melaksanakan beberapa program, antaranya mewujudkan restoran percuma yang menyajikan makanan percuma kepada mereka yang memerlukan di Kuala Lumpur dan Putrajaya tidak lama lagi.

Pada masa ini pun di pasar raya milik Ebit ada menyediakan sudut khas yang menempatkan pelbagai barang makanan untuk mereka yang memerlukan.

Pengguna boleh mengambil barang secara percuma. Tetapi perlulah jujur bahawa mereka benar-benar tidak mampu membeli dan tidak mengambil melebihi keperluan.

Ebit juga bercadang menyediakan tapak perniagaan untuk penjaja seperti konsep food court, serta membina tempat penginapan baharu bagi gelandangan di Kuala Lumpur. Semua ini adalah selari dengan usaha yang dibuat oleh Annuar selama ini.

Annuar melakukan banyak usaha membela golongan miskin bandar selama memegang jawatan. Beliau sentiasa mengambil berat nasib golongan B40 serta gelandangan dengan penyediaan pelbagai bantuan seperti pemberian beras percuma, perubatan percuma, bakul makanan percuma, bas sekolah percuma dan lain-lain.

Selain bantuan mengurangkan beban kehidupan, mereka

juga diberi peluang berniaga dengan menyediakan kios-kios perniagaan di Kuala Lumpur dan Putrajaya, termasuk dalam kompleks beli-belah.

Ini termasuklah gelandangan yang telah diberi latihan agar mampu berdikari.

Selain itu konsep ‘Wilayah Bebas Berniaga’ dilaksanakan khusus membantu warga kota yang terjejas pendapatan atau kehilangan kerja akibat COVID-19. Mereka boleh berniaga di lokasi pilihan dengan diberi lesen sementara.

Oleh itu bagi Adi, apa yang dirancang oleh Ebit adalah sebagai kesinambungan usaha Annuar. Adi percaya kombinasi kedua-duanya akan membawakan hasil cemerlang.

Harapan Adi juga kelompok B40 dan gelandangan berusaha mengubah kehidupan agar mampu berdikari serta tidak selama-lamanya bergantung kepada bantuan.

- Adi Tuah

*Adi Tuah*

**SAJAK**

## KASIH

Selamat datang kasih jemputlah kau barangkali dari hati.

Selamat datang kasih di sini pasti ada bahagia kerna hanya pemilik hati dikunjungi cinta.

Ku terima hadirmu berikan padaku sebuah senyuman istimewa sebelum kita berbicara.

Kasih tinggalah di belakangku ku terima kehadiramu di garis itu.

## PERTIWI PRANG BESAR

Tanah itu masih merah lagi takala kita masih dibuai mimpi hanya ladang memenuhi tempat ini masihkah dikau ingat.

Kini, pertiwi sudah membangun kerna nian indah mereka memujimu kita masih bersama di sini menulis puisi tentang mu sambil mendakap bintang-bintang di malam hari.

*Fiqh Wan*

Pesakit Ischemic Heart Disease terima kaki palsu

# 'Terima kasih bantu saya berjalan semula' - Shahrizan

ANINI MAWAWI

**S**AYA terharu permohonan untuk memiliki kaki palsu ini berjaya," ujar penerima bantuan kaki palsu sumbangan Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP), Shahrizan Saibi, 37.

Kongsinya kepada Wilayahku, proses permohonan tersebut hanya mengambil masa yang singkat iaitu kurang tiga bulan.

"November tahun lalu, saya ada memohon bantuan kaki palsu daripada Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar



**YAYASAN**  
WILAYAH PERSEKUTUAN

Musa dan Alhamdulillah rintihan saya didengari," ujarnya sebak.

Tambahnya lagi, dalam bulan Januari lalu, dia menerima maklum balas mengatakan hajatnya itu diterima.

"Tidak lama selepas itu, ada wakil yang datang ke rumah untuk mengambil saiz kaki bagi membuat kaki palsu," ujar Shahrizan.

Kata bapa kepada dua orang anak ini lagi, keprihatinan pi-

hak menteri dan YWP begitu menyentuh hatinya.

"Kalau tiada bantuan ini, tidak tahu bila akan dapat berjalan semula maklumlah kos sebelah kaki palsu sahaja mencecah lebih RM10, 000.

"Terima kasih bantu saya berjalan semula. Dengan bantuan ini, saya dapat kembali mencari rezeki untuk menyara keluarga," ujarnya yang bekerja sendiri.

September tahun lalu, sebelah kaki Shahrizan tiba-tiba lemah dan tidak berfungsi.

Doktor mengesahkan dia menghidap Ischemic Heart



GERAI bergerak turut diberikan kepada peserta yang terlibat mengikut kesesuaian.

Disease dan kesan penyakit itu, dia terpaksa potong kaki kanan sehingga menyukarkannya menyara keluarga. **WK**

## SHWP 2021: Warga kota mahu diskaun saman trafik DBKL

SELAIN menanti kepelbagaian acara menarik yang dianjurkan sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan (SHWP), warga kota juga mengharapkan potongan saman trafik daripada pihak berkuasa tempatan.

Menerusi talian PERTIWI, seorang individu memohon jasa baik Menteri Wilayah Persekutuan, **Tan Sri TPr Annuar Musa** untuk memberi diskaun bagi saman trafik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sempena SHWP 2021.

Ujarnya, dengan diskaun yang diberikan, dia dan warga kota yang lain boleh membayar saman lampau

**PERTIWI**

DBKL.

"Mohon jasa baik Tan Sri untuk bagi diskaun sempena hari Wilayah Persekutuan untuk saman trafik DBKL lampau dengan kadar 'flat rate' RM5-RM10.

"Ia bagi membolehkan warga kota menyelesaikan saman-saman lampau seberapa yang boleh dan ini juga secara tidak langsung menambah wang kerajaan yang boleh digunakan untuk tujuan kebajikan masyarakat," katanya.

Menurutnya lagi, pembeiran diskaun bagi saman trafik bandaraya adalah tra-

disi DBKL setiap tahun.

Malah katanya, kebanyakan warga Wilayah Persekutuan menunggu peluang ini setiap tahun bagi menyelesaikan saman trafik DBKL yang ada.

"Untuk makluman Tan Sri, adalah menjadi tradisi DBKL untuk mengumumkan diskaun saman pada hari istimewa ini. Hampir setiap tahun dan ramai warga kota menunggu masa ini untuk membolehkan mereka membayar saman tersebut," ujarnya.

Dalam pada itu, dia turut menzhahirkan harapan agar tawaran tersebut dapat dilaksanakan dalam tempoh SHWP 2021 ini. **WK**



DISKAUN saman trafik DBKL sering diumumkan sempena SHWP.

Info	ADUAN
<b>PERTIWI</b> WhatsApp : 013-680 6666 : 013-688 7777	
<b>DBKL</b> Tel : 03-2617 9000	
<b>Perbadanan Putrajaya</b> Tel : 03-8000 8000 Aduan : 03-8887 3000	
<b>Perbadanan Labuan</b> Tel : 087-408600 Aduan : 087-408852	
<b>Wilayahku</b> WhatsApp : 011-5958 7489	

## IKLANKAN PERNIAGAAN ANDA DALAM E-PAPER

**Wilayah Ku**  
MEDIA WARGA KOTA

KADAR HARGA IKLAN (E-PAPER)	
FULL PAGE	RM500
26cm X 33cm	
HALF PAGE	RM300
26cm X 17cm	
QUARTER PAGE	RM200
12cm X 17cm	
PANEL PAGE	RM200
[INNER]	
26cm X 6cm	
<b>W.K niaga</b> (tidak lebih 20 kata perkata)	<b>RM10</b>

KADAR HARGA IKLAN (PORTAL ONLINE)	
FRONT BANNER 1080px X 96px	<b>RM2,500</b>
MIDDLE BANNER 1080px X 280px	<b>RM2,000</b>
MEDIUM RECTANGULAR 350px X 280px	<b>RM1,500</b>
HALF PAGE 350px X 500px	<b>RM1,000</b>



DITERBITKAN 2 KALI SEMINGGU

MENCAPAI 200,000 PEMBACAA SETIAP EDISI

**BERMINAT?**

Untuk khidmat rundingan pengiklanan sila hubungi:

012-208 6354 (V. KUMAR VEERAN)

Pengurusan Pengiklanan

011-1069 2962 (ZUHAIRI)

Ekssekutif Jualan dan Pemasaran

03-8861 5260 (PEJABAT)

Alamat:

Aras 9, Blok 1,  
Menara Seri Wilayah,  
62100 Putrajaya.



# Sentuhan Prihatin Annuar Musa



**NAZIRUL ROSELAN**

**T**UAH ayam nampak di kaki, tuah manusia tiada siapa yang tahu.

Hampir lima tahun **Leong Choong Keong**, 65, tinggal di dalam sebuah pondok usang yang penuh dengan semak samun dan hidup sebatang kara di Kampung Baru Salak Selatan.

Namun keperitan yang dialaminya bakal berubah selepas mendapat perhatian dari Menteri Wilayah Persekutuan, **Tan Sri TPr Annuar Musa** yang turun sendiri melihat keadaannya selepas mendapat maklumat daripada Aktivis Sosial, Kuan Chee Heng atau lebih dikenali dengan gelaran "Uncle Kentang".

Menteri Wilayah Persekutuan melihat sendiri kedaifan hidup Leong. Tanpa diduga, beliau mengalirkan air mata dan berjanji akan membantu menyediakan kediaman baru di

sekitar Perumahan Awam (PA) milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) agar Leong tidak lagi tinggal di dalam pondok usang yang penuh semak samun.

Pada masa hadapan, Tan Sri TPr Annuar Musa akan terus bekerjasama

dengan aktivis dan NGO melalui semua agensi di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan bagi membantu rakyat yang memerlukan di dalam Wilayah Persekutuan.

Inilah Wilayah Persekutuan, Wilayah Prihatin. **WK**





# WE LOVE SHOPPING

RM1,000 VOUCHER

F&B VOUCHER



1 – 21 Mac 2021

## Cabutan Bertuah

3x Baucar Bernilai RM1,000 Untuk Dimenangi Setiap Minggu

Belanja RM100 dan ke atas tidak melebihi 2 resit di kedai-kedai F&B atau fesyen terpilih untuk peluang menerima Baucar Membeli-Belah Alamanda bernilai RM1,000.\*



\* Tertakluk kepada termasuk syarat. Sementara stok masih ada.  
Imej yang ditunjukkan hanya untuk tujuan ilustrasi.

Untuk informasi lanjut, kunjungi Kaunter Concierge kami atau hubungi +603-8888 8882

## Roda Ganjaran

Terima sekeping baucar F&B apabila anda berbelanja.\*

## Istimewa untuk Kakitangan Kerajaan

Terima kemasukan tambahan di dalam Cabutan Bertuah.\*



Sertai kami di [Facebook](#) [Instagram](#) [AlamandaShoppingCentre](#) [www.alamanda.com.my](#)

# Lima filem pengembaraan, romantis Thailand di Netflix

## #1 Bad Genius

**Pengarah:** Nattawut Poonpiriya  
**Pelakon:**

Chutimon Chuengcharoensukying  
 Chanon Santinatornkul  
 Eisaya Hosuwan  
 Teeradon Supapunpinyo



LYNN, seorang pelajar sekolah menengah genius yang menghasilkan wang dengan menolong orang lain menipu dalam

ujian, menerima tugas baru yang membawanya ke Sydney, Australia.

Untuk menyelesaikan tugas bernilai jutaan Baht, Lynn dan rakan sekelasnya harus menyelesaikan peperiksaan STIC (SAT) antarabangsa dan

menyampaikan jawapan kepada rakan-rakannya di Thailand, sebelum peperiksaan itu diadakan sekali lagi di negara asalnya.

**Trivia:**

Bad Genius ditayangkan pada 3 Mei 2017, menduduki tempat pertama di *box office* Thailand selama dua minggu dan memperoleh lebih dari 100 juta baht (US \$3 juta), filem Thailand paling laris pada tahun 2017.

AFIFAH AFIZAL

POPULARITI filem Thailand di Malaysia tidak disangkal lagi kerana lambakan peminat pasaran filem Thai di negara ini.



## #2 Back To The 90's

**Pengarah:** Yanyong Kuruaungkoul  
**Pelakon:**

Baifern Pimchanok  
 Luevisadpaibul  
 Dan Aaron Ramnarong  
 Achita Pramoj Na  
 Ayudhya

SEORANG remaja lelaki dari tahun 2014 melangkah ke sebuah 'phone booth' dan dibawa ke masa lalu - tahun 90-an, pada masa sebelum

adanya telefon bimbit dan juga Facebook.

Dia cuba untuk membaiki hubungan antara ibu dan ayahnya dengan mengalahkan perhatian teman masa kecil ayahnya, tetapi dia mendapat dirinya jatuh cinta padanya.

**Trivia:**

Filem ini ditayangkan pada tahun 2015.



## #3 Happy Old Year

**Pengarah:** Nawapol Thamrongrattanarit  
**Pelakon:**

Chutimon Chuengcharoensukying  
 Sunny Suwanmethanont  
 Sarika Sartsilpsupa

**JEAN** (Chutimon Chuengcharoensukying) ingin mengubah rumahnya menjadi pejabat rumah dan

menyusun semula seluruh rumahnya.

Apa sahaja barang tidak terpakai, dia ingin membuat semuanya. Namun, Jean menghadapi cabaran hebat ketika dia menemui beberapa barang milik Aim (Sunny Suwanmethanont), bekas kekasihnya.

Walaupun dia tidak menggunakan barang itu, ia mengingatkannya akan kisah yang mengembalikan kenangan, bersama dengan perasaan yang tidak dapat diselesaikan, yang tidak dapat

dibuang dengan mudah.

Jean harus memutuskan apa yang harus dilakukan dengan barang Aim.

Haruskah dia membuat semuanya, menyimpan semuanya, atau mengembalikan barang tersebut kepada pemiliknya untuk membersihkan sepenuhnya dari rumah dan hatinya?

**Trivia:**

Penyerahan rasmi Thailand untuk kategori 'Best International Feature Film' dari Anugerah Akademi ke-93 pada tahun 2021.

berlaku kepada Bota hari ini. Dia jatuh cinta dengan ahli kelab drama, Non.

Tetapi cinta terhalang, kerana teman Non, Poppy, juga menyukai lelaki itu. Jadi, bagaimana dengan pengakhiran kisah cinta Bota? Adakah dia akan menyerah pada sahabatnya atau memperjuangkan cintanya?

**Trivia:**

Pembikinan semula drama Korea Selatan tahun 2003 dengan tajuk yang sama dibintangi oleh Son Ye-Jin.



## #4 Classic Again

**Pengarah:** Thatchaphong Suphasri & Tatchapong Supasri

**Pelakon:**  
 Ranchrawee Uakoolwarawat  
 Thitipoon Techapaikhun  
 Sutthirak Subvijitra.

FILEM ini mengisahkan tentang cinta segitiga. Pada mulanya, Bota menemui surat cinta yang dimiliki oleh ibunya.

Dalam cerita itu, ibu Bota sebenarnya menyukai lelaki selain ayah Bota. Semasa ibunya bercuti ke rumah datuknya, dia jatuh cinta dengan Kajorn.

Tetapi cinta itu pasti gagal, kerana ibu Bota dipadankan dengan sahabat Kajorn, Tanil. Menariknya, kisah ini juga

berlaku kepada Bota hari ini. Dia jatuh cinta dengan ahli kelab drama, Non.

Tetapi cinta terhalang, kerana teman

Non, Poppy, juga menyukai lelaki itu.

Jadi, bagaimana dengan pengakhiran

kisah cinta Bota? Adakah dia akan

menyerah pada sahabatnya atau

memperjuangkan cintanya?

**Trivia:**

Untuk menunjukkan imej yang lebih baik dari wilayah perbatasan selatan Thailand yang bermasalah, Komando Operasi Keselamatan Dalam Negeri menaja filem Latitude 6 di Pattani.



## #5 Latitude 6

**Pengarah:** James Thanadol

**Pelakon:**  
 Peter Corp Dyrendal  
 Chinaradi Anupongphichart  
 Natcha Janthapan  
 Lapassalan Jiravechsoontornkul

FILEM ini adalah mengenai seorang lelaki bandar bernama Ton (Peter Corp Dyrendal) yang berpindah ke Pattani untuk bekerja.

Semasa di sana, dia jatuh cinta dengan seorang guru muslim cantik bernama Fah (Bowling Prisana).

Masalah timbul kerana ayah Fah tidak menyetujui hubungan mereka. Juga memaparkan cinta segi tiga mengenai seorang gadis cantik

bernama Fern, dimainkan oleh Wiraporn Jiravechsoontornkul, dan dua rakan bernama Kosem (Peem Parkin) dan Sharif, yang dimainkan oleh Natcha.

**Trivia:**

Untuk menunjukkan imej yang lebih baik dari wilayah perbatasan selatan Thailand yang bermasalah, Komando Operasi Keselamatan Dalam Negeri menaja filem Latitude 6 di Pattani.

# Sedia terima vaksin



DEEL ANJER

**V**AKSIN COVID-19 adalah untuk kebaikan masyarakat Malaysia, namun masih ada suara-suara sumbang atau

golongan anti vaksin yang cuba membuatkan masyarakat menjadi cemas dan ragu-ragu untuk mengambil vaksin.

Namun, ingin ditegaskan di sini, hukum pengambilan vaksin adalah harus di sisi agama Islam.

Menurut Mufti Wilayah, Datuk Dr Luqman Abdullah, menerusi Mesyuarat

Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan, hukum penggunaan vaksin COVID-19 adalah harus dan wajib diambil oleh golongan yang ditetapkan oleh kerajaan Malaysia.

Malah golongan selebriti pun menyahut seruan kerajaan untuk memgambil suntikan vaksin COVID-19 demi kebaikan semua.

## "Jangan ragu-ragu" - Risteena

**MENURUT** pelakon popular Nur Risteena, keyakinan yang telah diberikan kerajaan serta hukum harus di sisi agama, sudah cukup membuktikan vaksin COVID-19 perlu diambil.

"Saya sedar, pelbagai pandangan yang timbul berkaitan vaksin COVID-19. Namun, kerajaan dan mufti pun menggalakkan rakyat Malaysia mengambil vaksin kerana ia untuk kebaikan semua. Jadi jangan ragu-ragu mengenainya.

"Saya sendiri sebagai pelakon juga terdedah dengan bermacam-macam persekitaran, kadang-kadang pematuhan SOP yang lemah membuatkan kita berisiko untuk dijangkiti COVID-19.

"Bukan sahaja artis, semua orang berisiko dijangkiti. Jadi, vaksin ini adalah cara terbaik untuk kita kembali hidup normal seperti dulu."



NUR RISTEEENA

## "Sukar penjarakan sosial, perlu vaksin" - Ali Reza

**PELAKON** drama *Mencari Kiblat Cinta*, Ali Reza berpendapat vaksin perlu diambil oleh semua pelakon kerana sukar menjaga Prosedur Operasi Standard (SOP) ketika berada di lokasi penggambaran.

"Sebagai pelakon pertama sekali kita haruslah mengikuti SOP yg diberikan oleh pihak MKN semasa di set.

"Kadang-kadang agak sukar untuk mengamalkan penjarakan sosial dengan para pelakon lain kerana ada babak yang memberikan sentuhan.

"Jadi, vaksin ini harus diambil oleh semua artis. Lebih-lebih lagi kalau ada penggambaran di luar negara.

"Semestinya pihak kerajaan akan mewajibkan kita semua untuk mengambil vaksin tersebut terlebih dahulu sebelum keluar negara," jelas

Ali yang juga sedar masih ada masyarakat yang ragu-ragu untuk mengambil vaksin.

Bagi Ali, dengan adanya

vaksin, negara mampu untuk menghabiskan wabak COVID-19 dengan lebih cepat.

ALI REZA



ragu-ragu, itu bukan salah mereka kerana setiap orang ada pandangan masing-masing. Apatah lagi hal berkaitan vaksin ini masih baru.

"Nasihat saya, kajilah tentang vaksin dan dengar apa kata pakar-pakar kesihatan. Internet hanya di hujung jari, jadi tiada alasan untuk tidak ambil tahu.

"Apa-apa pun, vaksin ini akan membina imuniti lebih tinggi dalam badan kita, ditambah pula dengan amalan norma baharu, insya-Allah kita boleh hapuskan wabak COVID-19 dalam masa yang singkat," ujarnya lagi.

## "Peluang untuk hidup seperti dulu" - Zaki Yamani

**PENYANYI** yang juga anak kepada penyanyi terkenal Datuk Jamal Abdillah iaitu Zaki Yamani menyeru agar rakyat Malaysia tidak ragu-ragu untuk mengambil vaksin.

"Bagi saya vaksin ini adalah sebab untuk rakyat Malaysia tidak lagi dijangkiti COVID-19. Ini adalah peluang untuk rakyat Malaysia hidup seperti dulu iaitu sebelum COVID-19 dijangkiti di Malaysia.

"Kita sendiri lihat, Perdana Menteri menjadi orang pertama menerima vaksin. Hukum vaksin dalam agama juga adalah harus.

"Jadi kita semua perlu ambil vaksin kerana virus COVID-19 ini sukar dibendung jika hanya menjaga SOP. Tidak cukup.

"Saya juga mengingatkan diri sendiri dan penyanyi lain agar menerima peluang ini secara terbuka. Mungkin kita sihat, tetapi bagaimana pula orang lain di sekeliling kita," ujar Zaki Yamani yang baru sahaja muncul dengan lagu *Slowmo*.



ZAKI YAMANI



## "Demi kebaikan semua" - Fadzil Teh

**BAGI** penerbit dari Zeel Production, Fadzil Teh, penggiat seni perlu mengambil vaksin demi kebaikan semua.

"Alhamdulillah, semua pelakon dan krew yang bekerja dengan Zeel Production akur dengan seruan kerajaan agar rakyat mengambil suntikan vaksin demi kebaikan kita semua.

"Sebelum ini pun, saya bertegas agar mereka sentiasa mematuhi SOP yang telah ditetapkan.

Iyalah, kerajaan sudah beri kelonggaran untuk terus penggambaran drama dan filem, jadi hargailah peluang ini dengan menjaga SOP.

"Namun, SOP sahaja tidak cukup sebenarnya kerana kami terdedah dengan pelbagai risiko, jadi vaksin perlu diambil dalam usaha kita untuk menghapuskan COVID-19." **W.K**

Operasi bagi bendung penularan wabak COVID-19

# JKT Labuan pantau asrama pekerja



KORESPONDEN  
KHAIRUL IDIN

**J**ABATAN Tenaga Kerja (JTK) Labuan komited dalam menjalankan pemantauan tahap kemudahan perumahan dan penginapan pekerja mematuhi elemen keselamatan dan keselesaan pekerja mengikut Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja(Akta 446).

Pengaruhnya, Ag Ismail Ag Tangah berkata, pemantauan itu adalah langkah sejajarnya dalam usaha kerajaan memastikan penularan wabak COVID-19 dikawasan perumahan sektor tersebut dapat dibendung.

Katanya, operasi itu dijalankan bagi memfokuskan perumahan di sektor pembinaan dan membabitkan kerjasama pelbagai agensi penguatkuasaan.

"Hasil operasi, kita telah mengenalpasti beberapa penemuan dari aspek keselesaan pekerja dan persekitaran yang tidak sihat. Jika terdapat kesalahan kertas siasatan dibuka untuk tindakan selanjutnya.

Beliau berkata sedemikian kepada pemerita ketika mengadakan operasi di salah sebuah tapak sektor pembinaan, di sini pada Rabu lalu.

Dalam pada itu, beliau turut memaklumkan operasi itu turut memfokuskan pemeriksaan permit, surat perjanjian serta perkara yang membabitkan hak-



AG ISMAIL

hak pekerja.

"Ia merangkumi semua aspek berkaitan dengan pekerja. Majikan mesti menyediakan salinan bukti pekerjaan, penyata gaji yang mana ini merupakan hak-hak pekerja.

Mengulas lanjut, beliau turut menjelaskan jika terdapat kesalahan pelanggaran akta tersebut pihaknya akan mengambil keterangan majikan

dan akan dikemukakan kepada pihak Ibu Pejabat untuk tindakan selanjutnya.

Justeru itu, JTK menasihati kepada majikan yang menyediakan perumahan dan penginapan pekerja agar mematuhi peraturan berdasarkan akta 446. WK



AG Ismail meninjau keadaan perumahan pekerja sektor pembinaan ketika melakukan operasi pematuhan akta 446, di sebuah tapak pembinaan disini, pada Rabu lalu.

## 3,300 asnaf, petugas barisan hadapan terima manfaat Dapur It'am - JAWI

**S**EBANYAK 3,300 golongan asnaf, petugas barisan hadapan di pulau ini menerima manfaat menerusi Program Dapur It'am 3.0 yang telah dilancarkan baru-baru ini.

Penolong Pengarah Cawangan Pengurusan Masjid, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) Labuan, Mohd Ghaus Musa berkata sejak ini, sebanyak 3,300 pak makanan bermasak telah diagihkan kepada mereka yang memerlukan.

Katanya, penyediaan makanan itu diselaraskan oleh beberapa masjid dan surau yang terpilih dalam menyediakan makanan itu

pada setiap hari.

"Kita akan mengagihkan sebanyak 300 pak makanan bermasak pada setiap hari kepada golongan sasar di pulau ini sehingga 15 April.

"Hari ini, kita telah mengagihkan 300 pak makanan bermasak kepada golongan asnaf di sekitar Labuan dan petugas barisan hadapan di Pusat Koreksional Labuan," katanya kepada Wilayahku, baru-baru ini.

Justeru itu, pihaknya berharap dengan sumbangan itu dapat meringankan beban mereka yang terkesan dan memberi semangat petugas barisan hadapan yang ber-

tungkus-lumus mengekang penularan wabak COVID-19.

Terdahulu, 15 Februari lalu, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dengan kerjasama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) melancarkan Dapur It'am 3.0 yang dirasmikan oleh Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Zulkifli Mohamad Al-Bakri.

Dapur It'am 3.0 menyediakan edaran pak makanan bermasak secara percuma kepada golongan sasar yang memerlukan diseluruh Wilayah Persekutuan pada setiap hari bermula 15 Februari hingga 15 April ini. WK



MOHD Ghaus (dua dari kiri) menyampaikan pak makanan bermasak kepada petugas Pusat Koreksional Labuan menerusi Program Dapur It'am.



Bismillahirrahmanirrahim Ku Bermula Alhamdulillah Syukur Padanya

ADIK Fatimah Az-Zahra dinobatkan sebagai juara pertandingan itu.



NAIB Juara disandang oleh adik Muhammad Firash.

## SRITI anjur pertandingan syair, pantun hargai pengorbanan frontliner

**B**AGI menghargai pengorbanan petugas barisan hadapan, Sekolah Rendah Integrasi Teras Islam (SRITI) Labuan menganjur pertandingan Syair dan Pantun bertemakan 'Wira Barisan Hadapan, Jasamu Dikenang' secara maya.

Guru Besar SRITI, Nur'amalyna Eddrus, pertandingan itu bertujuan memupuk para pelajar supaya menghargai pengorbanan petugas barisan hadapan di seluruh negara yang berjuang memerangi wabak COVID-19.

"Melalui pertandingan ini, pihak sekolah juga dapat memupuk nilai kasih sayang dan menghargai pengorbanan orang lain dalam kalangan pelajar.

"Malah, ia dapat mencungkil bakat pelajar yang terpendam serta

dapat mengisi masa lapang mereka dengan perkara yang bermanfaat memandangkan pada waktu ini sesi Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR)," katanya ketika dihubungi Wilayahku, baru-baru ini.

Dalam pada itu, beliau berkata, juara pertandingan dirangkul oleh Fatimah Az-Zahra, naib juara, Muhammad Firash dan tempat ketiga, Nur Jannatus Syuhada.

"Kita sentiasa menganjurkan pertandingan pada setiap bulan secara konsisten mengikut tema yang dipilih.

"Kita akan melaksanakan aktiviti seperti ini pada setiap bulan dan berharap ia dapat membantu meningkatkan kemahiran sosial, kreativiti dan keyakinan murid," katanya. WK

## KOMUNITI & MPP

Pembaca Wilayahku boleh kongsikan foto-foto dan aktiviti menarik untuk siaran ruangan ini. Hantarkan e-mel foto berserta keterangan mengenai aktiviti atau program tersebut kepada kami di [editorwilayahku@gmail.com](mailto:editorwilayahku@gmail.com) dan WhatsApp 011 - 5958 7489. Lampirkan juga nama pengirim dan nombor telefon untuk dihubungi.

# Pencarum Program Khairat Kematian, catat peningkatan positif

**SYAHIDI BAKAR**

**PROGRAM** Pengurusan Khairat Kematian ditawarkan kepada penduduk Parlimen Batu mulai Januari lalu, menunjukkan perkembangan positif apabila bilangan pencarum berdaftar meningkat ketara.

Inisiatif diperkenalkan Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) Parlimen Batu dilihat selari kemampuan penduduk dengan caruman serendah RM15 setahun, melayakkan pencarum dilindungi dana bantuan RM3,000.

Menurut Pengerusinya, **Gulam Muszaffar Gulam Mustakim**, sehingga kini seramai 2,100 pencarum telah berdaftar dengan Program Khairat Kematian yang dilancar

awal Januari, menunjukkan penerimaan menggalakkan daripada penduduk.

Beliau berkata, dengan sasaran 10,000 pencarum akan berdaftar dalam tempoh enam bulan, fokus skim ialah memudah pembiayaan mengurus jenazah apabila berlaku kematian sama ada melibatkan pencarum atau ahli keluarga terdekat.

"Skim Khairat Kematian diperkenal tidak bermotif keuntungan sebaliknya lebih tertumpu soal kebaikan penduduk yang rata-rata dalam kategori B40 dan miskin bandar. Syukur setakat ini, antara 20 ke 30 borang keahlian diterima setiap hari.

"Dengan skim ini si mati dilindungi dana RM3,000 bagi pengebumian sehingga selesai.

Tiada beban kewangan perlu ditanggung waris atau keluarga si mati malah memudahkan urusan berkaitan," katanya kepada *Wilayahku*, baru-baru ini.

Gulam Muszaffar mengulas statistik pencarum Program Pengurusan Khairat Penduduk Parlimen Batu selepas menerima 20 borang keahlian baru daripada Ketua Bahagian MIC Batu, **P. Kumaran**.

P. Kumaran yang juga Ahli Jawatankuasa MPPWP Zon Batu berkata, hasil daripada penerangan dan kempen berterusan mengenai manfaat program dilancarkan penerimaan penduduk semakin positif.

"Saya menyatakan lebih ramai penduduk di Parlimen Batu akan menyertai Program Khairat demi kebaikan mereka," ujarnya.

WK



**GULAM** Muszaffar (kanan) menerima 20 borang pendaftaran Program Khairat diserahkan oleh P. Kumaran di Pejabat MPPWP Parlimen Batu, baru-baru ini.

## Langkah pencegahan, BWM anjur sanitasi tapak niaga Danau Kota

**PRIHATIN** dengan aspek keselamatan awam di tapak niaga Danau Kota yang merupakan antara lokasi tumpuan mendorong Brotherhood Wangsa Maju (BWM) tampil dengan inisiatifnya tersendiri demi melindungi kepentingan ramai.

Usaha diambil melalui gerak kerja sanitasi tapak niaga berkapasiti 400 lot penjaja itu, bertepatan keperluan bersama melindungi keselamatan dan kesihatan bagi mengelak sebarang bentuk risiko penularan jangkitan COVID-19 dalam komuniti.

Menurut Presiden BWM, **Wan Muhammad Azri**, inisiatif diambil sebagai langkah awal mencegah penularan pandemik COVID-19 di dalam komuniti memandangkan lokasi berkenaan sering menjadi tumpuan orang ramai untuk menjamu selera.

Faktor tersebut katanya, perlu diberikan perhatian dengan cara memastikan kawasan sekitar bersih selain bebas daripada sebarang risiko jangkitan virus mahupun wabak berbahaya bagi menjamin keselamatan para pengunjung.

"Kerja sanitasi awam ini dilakukan BWM dengan tenaga sukarelawan sendiri seramai kira-kira 30 orang untuk memastikan kerja



**KERJA-KERJA SANITASI TAPAK NIAGA DANAU KOTA YANG DILAKUKAN OLEH BWM BARU-BARU INI DALAM USAHA MENCEGAH PENULARAN PANDEMIK COVID-19 DI KAWASAN YANG MENJADI TUMPUAN RAMAI.**

menyahkuman berjalan lancar tanpa sebarang penangguhan.

"Inisiatif ini adalah usaha BWM sendiri tanpa ada sebarang pembiayaan daripada pihak luar kerana kami merasakan ada keperluan untuk melakukan sanitasi ini pada kadar segera untuk mengelakkan kejadian tidak diingini," katanya.

Pendekatan berkebajikan dilaksanakan oleh BWM tidak terbatas kepada sesuatu lokasi, sebaliknya dijayakan mengikut kemampuan dan keupayaan sebagai satu Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang ditaris oleh golongan belia.

Menurut Mohamad Azri lagi, kerja-kerja sanitasi akan diteruskan di

beberapa lagi lokasi terpilih dengan keutamaan tempat tumpuan ramai selain lokality penempatan di sekitar Wangsa Maju.

"Seperti kita sedia maklum, ada banyak kawasan perumahan awam mungkin tiada kemampuan biaya kos kerja-kerja sanitasi ini, kami akan jadi pemudah cara menjayakannya.

Inilah sebahagian komitmen kami membudayakan kerja kebajikan berpaksi kepada rakyat terbanyak," katanya sambil mengakui inisiatif dilakukan akan menjadi pelengkap kepada perkhidmatan diperlukan pada masa kritikal akibat daripada pandemik COVID-19. WK

## MPPWP Lembah Pantai sumbangkan Kit Alat Tulis

**SUMBANGAN** Kit Alat Tulis kepada 5 buah sekolah di sekitar Lembah Pantai, antara inisiatif diambil Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah (MPPWP) Zon tersebut bagi membantu persediaan pelajar menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Menurut Pengurus MPPWP Zon Lembah Pantai, **Datuk Tengku Zuhri Tengku Abdul Aziz**, peralatan kit peperiksaan tersebut diagihkan kepada pihak pengurusan sekolah sebelum disumbang kepada para pelajar terbabit.

Beliau berkata, lima sekolah menengah terbabit, SMK Bukit Bandaraya menerima Kit Alat Tulis itu untuk diagih kepada 165 pelajar, SMK Sri Pantai (188); SMK (P) Methodist, KL (90); SMK Bangsar (120) dan SMK Petaling (198) menerima pada 19 Februari lalu semasa kunjungan MPPWP Zon ke sekolah terbabit.

"Selain daripada membantu pelajar terbabit buat persediaan sebelum menduduki SPM, inisiatif ini sebagai rangsangan semangat mereka hadapi peperiksaan ini bersungguh demikian kecemerlangan akademik," katanya selepas serahan Kit Alat Tulis Peperiksaan Untuk Calon SPM 2020 di 5 Sekolah sekitar Lembah Pantai.



**BARISAN AJK MPPWP ZON LEMBAH PANTAI KETIKA HADIR MENYAMPAIKAN SUMBANGAN KIT ALAT TULIS PEPERIKSAAN DI SMK PETALING.**

Sementara itu, rombongan MPPWP Zon Lembah Pantai turut meluang masa berkunjung ke Surau Ibaddurrahman untuk bersama ahli kariah terbabit menunaikan solat hajat selain menyerahkan kit alat tulis peperiksaan kepada anak-anak kawasan setempat yang turut bakal menduduki SPM.

MPPWP Zon Lembah Pantai kata Tengku Zuhri, sentiasa mendoakan untuk kesemua pelajar yang

merupakan pewaris negara akan dipermudahkan urusan peperiksaan mereka dan menjadi anak kebanggaan warga di Lembah Pantai.

Beliau turut menitipkan sebuah pantun sebagai pesanan untuk para pelajar. Fahami ulangkaji satu keperluan, Mantapkan strategi kukuhkan haflan, Jagalah diri serta kesihatan, Semoga berjaya di dalam peperiksaan. WK

Kejayaan akademik mesti seiring, perlu konsisten dalam tindakan

# Khalidah bukti sukan bukan penghalang

AINI MAWAWI

**S**UKAN dan pelajaran perlu seimbang. Itu yang berjaya dibuktikan atlet boling padang Wilayah Persekutuan, Nor Khalidah Sanip, 20.

Kata pelajar jurusan Farmasi, University of Cyberjaya ini, sebagai seorang muslim, menuntut ilmu merupakan satu kewajipan yang perlu ditunaikan.

"Biarpun sibuk dengan latihan sukan namun saya tidak pernah abaikan pelajaran, kalau boleh biarlah ia seiringan," ujar atlet kela-hiran Labuan ini.

Katanya lagi, kaya ilmu lebih berharga daripada harta yang melimpah ruah.

Sempat berkongsi tip kejayaannya memperoleh 9A dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2018 dengan calon peperiksaan tahun ini, Khalidah berkata, sama seper-



ti berlatih sukan, belajar juga perlu konsisten.

"Belajar perlu ada disiplin. Itu yang saya amalkan sehingga hari ini. Sewaktu di tingkatan lima, jika terlibat dengan kejohanan di luar Labuan, saya akan meminta bahan pembelajaran daripada guru sebagai bekalan," ujarnya kepada Wilayahku.

Pada masa sama, bekas pelajar Sekolah Menengah Sains Labuan ini berharap agar semua calon SPM tahun ini berjaya dengan cemerlang.

Beralih kepada bidang sukan pula, menurut anak bongsu daripada dua orang adik-beradik ini, sukan membantunya untuk menghilangkan tekanan.

"Boling padang merupakan sukan yang amat menyeronokkan bagi saya. Ia membuatkan otak kita sentiasa berfikir untuk mencari strategi selain permainannya yang

## Kejayaan Nor Khalidah

2020 - Kejohanan Muay Thai Peringkat Kebangsaan, Sabah

- Tempat Kedua
- SUKMA Perak, 2018
- Pingat Emas
- Perlawanan Persahabatan BIMPNT-EAGA 2018, Brunei
- Pingat Emas
- SUKMA Sarawak, 2016
- Pingat Emas

Instagram: @norkhalidahsanipa

unik," ujarnya.

Tambahnya lagi, dia bercita-cita untuk bergelar pemain negara suatu hari nanti sekali gus mengharumkan nama Malaysia.

"Perjalanan dalam bidang sukan ini masih panjang namun tiada yang mustahil untuk dicapai," ujar pemenang pingat emas SUKMA 2018 ini. WK



NOR Khalidah (kanan) fokus ketika beraksi.

# MPX The Murderer juarai kejohanan e-sport PUBG anjuran KWP, DBKL

KUMPULAN MPX The Murderer yang dianggotai lima anak muda telah menjuarai tempat pertama Kejohanan e-sport PlayerUnknown's Battlegrounds (PUBG): Clan War dan membawa pulang hadiah tempat pertama wang tunai RM6,000 anjuran Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) sempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2021.

Ketua kumpulan, Zahran Zain, 23, mengakui terkejut kerana ini merupakan percubaan pertama kumpulannya yang baru dibentuk dan membuatkan hasil dengan mengenepikan 32 pasukan lain untuk bergelar juara.

"Pasukan ini diwujudkan dalam dua minggu, dan saya baru masuk dalam pasukan ini dan dilantik sebagai ketua dan mendapat ada keserasian dalam kalaangan anggota pasukan dan akhirnya kami berjaya memenangi pertandingan ini."

"Sejujurnya, kami terkejut kerana hanya sempat berlatih kira-kira dua minggu dan terus masuk dalam pertandingan dan ini merupakan pertama untuk pasukan ini," katanya kepada Wilayahku selepas Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan E-sport PlayerUnknown's



ZAHRAN (kiri) menerima replika cek yang disampaikan Annuar setelah memenangi tempat pertama Pertandingan PUBG sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2021 pada Khamis.

Battlegrounds (PUBG): Clan War

Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa hadir menyampaikan hadiah kepada pemenang dan turut dihadiri oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah dan Pengarah Eksekutif Sosio Ekonomi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Anwar Mohd Zain.

Zahran yang juga pengusaha Grab Food sepenuh masa berkata, beliau tidak pernah terfikir untuk memenangi pertandingan ini.

"Secara peribadi, ini merupakan pencapaian tertinggi dalam karier saya sebagai pemain e-sport

PUBG kerana sebelum ini tidak pernah memenangi dalam mana-mana pertandingan."

"Sebelum pertandingan, saya perlu berlatih untuk tempoh empat hingga lima jam sehari bagi mengasah kemahiran dalam permainan ini dan ia berhasil serta empat rakan yang lain turut meluangkan masa untuk berlatih bersama bagi mendapatkan persefahaman antara rakan sepasukan," katanya.

Zahran berkata, bidang e-sport semakin berkembang dan di pertandingan seperti ini perlu diperbanyak lagi supaya anak-anak muda tidak membazir masa atau sekadar bermain telefon pintar semata-mata.

"Sekiranya mereka boleh komited mencebur ke bidang permainan e-sport ini, mereka boleh mendapat pencapaian yang tinggi dan boleh memperolehi pendapatan tambahan," katanya.

Dalam pada itu, Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa berkata, pengajaran kejohanan e-sports di bawah Cakna Sukan di bawah Inisiatif Wilayah Prihatin (IWP) merupakan satu usaha untuk mencungkil bakat baharu yang boleh mewakili Wilayah Persekutuan bagi penganguran pertandingan itu bertaraf antarabangsa.

"Permainan dalam talian ini bukan lagi sekadar satu hobi biasa, sebaliknya boleh dijadikan satu kerjaya profesional memandangkan ia berpotensi untuk menyumbang kepada pembangunan industri e-sports dan ekonomi sesebuah negara serta Wilayah Persekutuan."

"Ia merupakan satu usaha untuk mendidik masyarakat bahawa sukan elektronik adalah sukan yang mempunyai potensi besar bagi melahirkan atlet profesional e-sukan dan berpeluang menjana pendapatan melalui bidang tersebut," katanya. WK

# Elena lupukan hasrat cuti setahun

BIARPUN masih dalam proses pemulihan sejak pembedahan lutut kiri November tahun lalu, namun atlet jalan kaki wanita negara, Elena Goh Ling Yin, 25, dilihat sudah mula melakukan senaman ringan untuk menguatkan staminanya.


"Saya sudah mula berjoging namun untuk latihan berjalan kaki masih belum mula kerana masih sakit."

"Ini kerana, jalan kaki mempunyai teknik dan

lam masa yang sama perlu meluruskan lutut," ujarnya.

Dia yang ingin bercuti selama setahun daripada melakukan sebarang aktiviti sejak November lalu terpaksa melupakan hasratnya kerana bimbang prestasinya menurun.

"Bila doktor cakap boleh mula berjoging dan berjalan perlahan-lahan saya gembira sangat. Bimbang rehat lama-lama nanti 'pancit'," ujarnya kepada Wilayahku. WK



ELENA sudah mula berjoging sejurus dibenarkan oleh doktor.



Annuar tidak mahu terima ganjaran, buat secara sukarela

## Presiden KL United: Terima dengan syarat

AZLAN ZAMBRY

**M**ENTERI Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa mensesahkan menerima jemputan dan tawaran sebagai Presiden dan Patron Kelab Bola Sepak Kuala Lumpur United (KL United).

Namun katanya, penerimaan yang diberikan itu berlandaskan beberapa syarat tawaran yang perlu dipersetujui kelab tersebut.

"Pertamanya, saya tidak mahu terlibat dalam apa jua bentuk berkepentingan dan menjadi pemegang saham.

"Yang kedua, lantikan itu tidak atas jawatan saya, tetapi atas faktor peribadi dan saya sanggup buat secara sukarela serta tidak akan menerima apa-apa ganjaran," katanya kepada *Wilayahku* selepas menyampaikan hadiah pada kejohanan PUBG di Stadium Titiwangsa, Kuala Lumpur pada 25 Februari.

Mengulas lanjut, Annuar berkata, beliau mahu melihat satu corak pengurusan dan pengendalian pasukan yang profesional serta KL United menjadi kelab yang mempunyai kedudukan baik dalam arena bola sepak tanah air.

Justeru itu, beliau mencadangkan supaya kelab tersebut direka semula agar tampil sebagai pasukan yang diurus secara profesional.

Beliau berkata, ia termasuklah menjadikannya berdaya maju dan mempunyai pelan pembangunan potensi baharu, model perniagaan serta pelan hubungan komuniti yang mesti dilakukan secara profesional sekali gus meningkatkan reputasinya sendiri.

Dalam pada itu, Annuar menegaskan bahawa beliau tidak berhasrat untuk memegang apa-apa jawatan dalam Persatuan Bola Sepak Kuala Lumpur (KLFA).

"Penjawatnya telah dipilih oleh ahli gabungan dan saya berpandangan bahawa tidak perlu untuk memimpin bersama KLFA pada ketika ini.

"Biarlah pimpinan yang ki-



KEHADIRAN Annuar untuk menerajui Kelab Bola Sepak KL United dapat menyuntik semangat dan meningkatkan prestasi pasukan.

ni diketuai Presidennya, Khalid Samad dan jawatankuasa hendaklah meneruskan tugas mereka mengikut peraturan-peraturan se dia ada.

"Saya tidak bersedia menjadi presiden KLFA. Saya hanya se-

kadar membantu pasukan dan berharap mereka dapat menge tegangkan beberapa idea yang boleh membantu khususnya untuk komuniti dan warga kota Kuala Lumpur serta Wilayah Persekutuan," katanya. **WK**

## Jadi mangsa buli siber, Janna Nick ambil tindakan perundangan

DEEL ANJER

**I**SU buli siber bagaikan tiada berkesudahan. Para artis adalah antara golongan sasaran pembuli siber yang sudah tentunya mengganggu gugat ketenangan hidup mereka.

Buli siber tidak boleh dipandang remeh kerana ianya lebih berbahaya berbanding buli secara fizikal kerana se siapa sahaja boleh melakukannya tanpa kawalan dengan adanya Internet.

Terbaru, pelakon, penyanyi yang kini bergelar pengarah, Janna Nick menjadi mangsa buli siber kepada peminat-peminat fanatik artis K-pop.

Ia tercetus apabila terdapat pengguna media sosial yang memulakan provokasi apabila kembali berkongsi semula video lama yang mengaitkan dirinya dengan kematian anggota kumpulan SHINee, Jonghyun yang meninggal dunia pada 2018.

"Apa yang boleh saya katakan mengenai isu video tular tersebut, kita telah ambil tindakan yang serius, masih dalam siasatan."

"Dan memang saya akan mengenakan tindakan undang-undang terhadap individu yang telah mulakan provokasi dan memulakan fitnah terhadap saya," jelasnya yang turut terpalit kontroversi apabila menulis kapsyen Lisa Blackpig

yang nama asalnya Lisa Blackpink.

"Untuk isu Lisa Blackpig, saya sebagai pengarah dan produser untuk telefilem Delen, mengambil tanggungjawab untuk memohon maaf kepada semua yang terasa hati, terguris hati akan kapsyen tersebut," kata pemilik nama sebenar **Nurul Jannah Munir**, 26.

Turut hadir sama pada sidang media itu ialah peguam yang mewakili Janna, Ben Syazmin dari Tetuan Tan Norizan & Associates yang antara lain turut memberi penjelasan terhadap isu tular serta fitnah yang dilemparkan, selain tindakan undang-undang yang bakal diambil pelakon terbabit.

Ben berkata, laporan polis sudah dibuat termasuk aduan kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) berhubung perkara itu yang masih lagi dalam siasatan lanjut.

"Anak guam saya (Janna Nick) akan meneruskan tindakan undang-undang terhadap individu yang menularkan semula video mendakwa dia mempersenda kematian seorang bintang K-Pop pada 2017 lalu."

"Sebelum ini, Janna juga sudah memberi penjelasan dan memohon maaf mengenainya, namun ditularkan semula di media sosial sehingga anak guam saya menerima pelbagai kecaman."

"Menerusi insiden berlaku ini, Janna menerima beberapa ugutan jenayah, ugutan bunuh, fitnah dan dakwaan palsu yang memerlukan tindakan serius diambil untuk keselamatan," katanya.

Bagaimanapun, Janna dan peguamnya enggan mengulas lanjut kerana kes terbabit masih dalam proses siasatan.

Iasnin lalu, Janna dalam kenyataannya menjelaskan sudah membuat laporan polis dan SKMM serta bakal mengambil tindakan undang-undang terhadap individu yang melemparkan fitnah, ugutan dan komen keterlaluan terhadapnya. **WK**



JANNA NICK